

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1576



9 772232 157005

Bengkel Permurnian Kertas Soalan Peperiksaan Akhir dan Ujian Seragam APB, UiTM Samarahan


info kampus
72nd ISSUE

21

Oleh: Lilly Metom

Pada 25-27 Mei 2016 yang lepas, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Samarahan, telah mengadakan Bengkel Permurnian Kertas Soalan Peperiksaan Akhir dan Ujian Seragam yang bertempat di Makmal Bahasa 1 dan Makmal Komputer 8, UiTM Kampus Samarahan 1. Bengkel ini diadakan bagi menyiapkan dan memurnikan kertas soalan peperiksaan akhir dan ujian seragam bagi kursus-kursus ELC dan EWC seperti yang diarahkan oleh pihak Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam. Seramai 13 orang pensyarah APB, iaitu Cik Norlida Mohamad Nawawi (selaku penasihat), Puan Lilly Metom (selaku ketua bengkel), Dr. Norseha Unin, Profesor Madya Dr. Caesar De Alwis, Puan Roselind Wee, Puan Saira Joe, Dr. Sueb Ibrahim, Encik Johnny Ahmad, Cik Affiana Kadri, Puan Valerie Chan Abdullah, Puan Amelia Alfred Tom, Encik John Francis Noyem, Encik Haikal Hamaad Zin dan Puan Kimberly Lau, telah terlibat dalam menjayakan bengkel selama 3 hari ini. Sebanyak 12 kod kursus telah dimurnikan, iaitu ELC 010, ELC 020, ELC 030, ELC 120, ELC 150, ELC 230, ELC 400, ELC 500, ELC 501, ELC 550, EWC 661 dan EWC 662. Kertas-kertas soalan yang telah dipilih dan dimurnikan telah dihantar ke UiTM Shah Alam untuk proses vetting seterusnya.

Pada keseluruhannya, bengkel ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya. Pihak APB, UiTM Sarawak ingin mengucapkan jutaan terima-kasih kepada pihak Pengurusan Akademik UiTM kerana telah meluluskan belanjawan bagi mengadakan bengkel ini. Kami berharap agar sokongan padu ini akan berterusan di masa hadapan.



BASIC PHOTOSHOP WORKSHOP

Oleh: Siti Nursarjana Malim

Bengkel selama satu hari yang dianjurkan oleh pihak ILD UiTM Sarawak, telah berlangsung dengan jayanya pada petang 17 Mei 2016 bertempat di Makmal Komputer C2002, Blok C, Kampus Samarahan 2. Bengkel ini terbuka untuk para pensyarah yang ingin meningkatkan pengetahuan masing-masing dalam bidang IT.

Seramai 30 orang pensyarah telah mendaftar sebagai peserta bengkel ini. Sesi perkongsian dikendalikan oleh En. Adib Sarkawi dan beliau telah menunjukkan teknik asas penggunaan perisian Adobe Photoshop seperti *layers*, *adjustments* dan *colour channels*. Melalui bengkel ini, para peserta diberi tunjuk ajar secara *hands-on* untuk membolehkan penyampaian yang lebih berkesan. Kebanyakan peserta teruja apabila mereka berjaya

mengedit wajah berjerawat menjadi wajah yang lebih bersih tanpa jerawat menggunakan gambar contoh yang disediakan sebagai latihan. Para peserta juga teruja apabila dapat melakukan kesan-kesan khas yang lain dalam menghasilkan poster di penghujung sesi bengkel.

Sambutan hangat yang diberikan terhadap penganjuran bengkel ini telah menyebabkan para pensyarah yang tidak dapat menyertai bengkel ini memohon pihak penganjur untuk mengadakan bengkel yang serupa dengan kelompok peserta yang lain. Pihak penganjur masih mempertimbangkan perkara tersebut bergantung kepada kesesuaian masa peserta dan penceramah.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my